

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 6 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 13

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L00003
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghadapi kemungkinan bencana banjir musim tengkujuh pada hujung tahun ini dan berapa wang peruntukan yang telah disalurkan untuk membuat persediaan bagi tujuan tersebut. .
2. PR-1411-L01086
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status guru-guru, pelajar dan bangunan KAFA yang sedang beroperasi sekarang ini sama ada masih dapat menerima bantuan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sepertimana Kerajaan dahulu.
3. PR-1411-L00338
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula atau membatalkan cukai pelancongan sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Cukai Pelancongan 2017.
4. PR-1411-L00356
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan inisiatif Kementerian dalam membantu golongan muda luar bandar dalam bidang pertanian supaya ianya tidak bergantung kepada kaedah tradisional semata-mata.

5. PR-1411-L01042
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kerana penghijrahan penduduk dari kawasan pedalaman ke bandar, banyak sekolah jenis kebangsaan (Cina) perlu dipindahkan ke kawasan bandar untuk memenuhi keperluan. Adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk memperbaharui prosedur supaya memudahkan keperluan tersebut.
6. PR-1411-L00761
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengenai jumlah pelaburan yang ditarik keluar daripada negara ini sejak Mei 2018 sehingga sekarang.
7. PR-1411-L00652
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara terperinci berkenaan EIA (Environmental Impact Assessment) bagi projek ECRL.
8. PR-1411-L00857
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
 - (a) apakah Kerajaan menyedari bahawa lebuh raya yang dikenali sebagai Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) terhenti hanya setakat negeri Pahang dan Terengganu sahaja, tidak bersambung ke negeri Kelantan; dan
 - (b) tidakkah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan pembinaannya sehingga ke Kelantan (Tumpat) sesuai dengan namanya Lebuh Raya Pantai Timur.
9. PR-1411-L00552
Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah subsidi oleh Kerajaan kepada setiap pelajar dalam bidang Perubatan dan Kejuruteraan berbanding dengan bidang sains perniagaan, sains sosial dan bidang akaun keseluruhannya.
10. PR-1411-L01043
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah pelaburan masuk ke dalam negara daripada Januari 2018 sehingga Mei 2018.

11. PR-1411-L00832
Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian bagi memastikan peluang perumahan bagi Bumiputera, golongan minoriti, golongan muda dan orang asal terjamin. Kini syarat untuk membina rumah mesra rakyat hendaklah kepada empunya tanah bergeran. Pemilik tanah adat (NCR) seperti di Sarawak tidak layak untuk menikmati peluang perumahan ini. Apakah mekanisme dan usaha Kementerian untuk menangani masalah ini.
12. PR-1411-L01125
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memulihkan taraf ekonomi negara.
13. PR-1411-L00058
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan rancangan Kementerian dalam jangka masa panjang untuk mengurangkan pergantungan sektor swasta di negara ini terhadap pekerja asing serta polisi Kerajaan mengenai kemasukan warga negara asing ke dalam negara ini sebagai pekerja asing.
14. PR-1411-L00464
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkara yang menghalang Kerajaan untuk menepati janji bagi memisahkan portfolio Peguam Negara dan Pendakwa Raya dari dipegang oleh individu yang sama seperti yang dijanjikan semasa PRU-14.
15. PR-1411-L01059
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan hala tuju Kerajaan Persekutuan baharu bagi melaksanakan janji-janji yang tertakluk dalam Teras 4, Janji ke-40 hingga Janji ke-48 dalam Buku Harapan.
16. PR-1411-L00522
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini pembinaan Hospital Bachok.

17. PR-1411-L00373
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kanak-kanak bukan warganegara (termasuk yang tiada kewarganegaraan) yang bapa mereka merupakan warganegara boleh menikmati hak bersekolah secara automatik seperti kanak-kanak lain yang ada kewarganegaraan.
18. PR-1411-L01368
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang membina kompleks pejabat untuk menempatkan pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan di daerah Daro.
19. PR-1411-L00771
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status tender semula Balai Bomba Batu Niah yang terbengkalai sejak tahun 2017 dan apakah langkah pihak Kementerian untuk mengelakkan projek lambat siap dan ditinggalkan oleh kontraktor dapat dikurangkan pada era Malaysia Baharu ini.
20. PR-1411-L00584
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan statistik terkini pekerja yang diberhentikan kerja di sektor awam dan swasta:-
(a) apakah sektor yang terlibat; dan
(b) berapakah jumlah melibatkan pekerja tempatan dan pekerja asing.
21. PR-1411-L00955
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kenyataan-kenyataan yang tidak benar dan berbaur hasutan melalui media massa dan elektronik dapat dikawal, khasnya selepas ada cadangan pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 (Akta 803) yang dijadualkan diputuskan dalam sidang Dewan kali ini.
22. PR-1411-L00183
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memperincikan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani beban hutang negara yang dikatakan mencecah angka RM1 trilion dan apakah masalah-masalah yang terpaksa dihadapi.

23. PR-1411-L00725

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap pemaju dan syarikat-syarikat GLC yang memonopoli tanah untuk membina '*landbank*' serta apakah jaminan Kementerian agar tidak wujud eksploitasi dalam pentadbiran Pakatan Harapan khususnya pemaju kroni bagi mendapatkan tanah Kerajaan dengan harga yang lebih murah.

24. PR-1411-L01034

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi isu kekurangan jumlah sekolah dan bilik darjah untuk menerima pelajar-pelajar tahun satu terutamanya dari kawasan yang berpenduduk padat.

25. PR-1411-L00671

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan penerima bantuan elaun sara hidup nelayan di Kawasan Parlimen Beaufort bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2018.

26. PR-1411-L00106

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah tol Jambatan Pertama Pulau Pinang dan Tol Sungai Nyior akan dimansuhkan. Selepas dimansuhkan, siapakah yang bakal membiayai atau menanggung kos-kos penyelenggaraan tol-tol berkaitan.

27. PR-1411-L01359

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan sebenar projek HSR, ECRL, MRT2 & 3, Melaka Gateway dan projek-projek mega yang lain serta hubungan dua hala Malaysia-Singapura dan Malaysia-China.

28. PR-1411-L00045

Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pelaksanaan Jambatan Batang Lupar yang telah diumumkan dalam Bajet 2018 sebagai projek mega di Sarawak khususnya di Parlimen Batang Lupar.

29. PR-1411-L01307
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan situasi tentang bot nelayan asing yang melaksanakan operasi menangkap ikan di perairan Sarawak. Bagaimanakah mengatasi peristiwa penyewaan bot nelayan tempatan oleh nelayan asing.
30. PR-1411-L00315
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Jambatan Pasir Kelang yang akan menghubungkan Kuala Nal dan Pasir Kelang akan dibina. Setakat manakah perkembangannya dan adakah proses pengambilalihan tanah sudah dibuat.
31. PR-1411-L00402
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan mencapai 35 peratus "*industrial*" sumbangan kepada KDNK bagi negeri Sabah.
32. PR-1411-L01295
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan kini bercadang untuk memperkenalkan undang-undang spesifik untuk memberikan definisi kepada perkauman (*racism*) dan juga untuk mengharamkan masalah perkauman.
33. PR-1411-L01169
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia agar kesejahteraan negara kekal terjamin.
34. PR-1411-L00539
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah hasil kajian Kerajaan berkaitan harga jualan air mentah kepada Singapura iaitu 3 sen bagi setiap 1000 gelen.
35. PR-1411-L00337
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan/kaedah yang akan diambil oleh Kementerian demi mengatasi masalah kos perubatan hospital swasta yang semakin meningkat dan membebankan rakyat.

36. PR-1411-L01019

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ada perancangan oleh Kerajaan untuk membatalkan kemudahan bagi penjawat awam menyambung pelajaran seperti Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan lain-lain.

37. PR-1411-L00643

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pihak Kerajaan ingin menangani golongan yang memperjuangkan LGBT serta Islam liberal di laman sosial. Apakah usaha dan tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan terhadap golongan tersebut.

38. PR-1411-L00807

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah "*stateslessness*" dalam kalangan komuniti India dan rakyat Malaysia yang lain. Berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan sejak Kabinet ditubuhkan.

39. PR-1411-L00090

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kerajaan untuk menampung kehilangan pendapatan negara selepas pembatalan GST.

40. PR-1411-L00022

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan bilangan pendatang tanpa izin (PATI) terkini khususnya dari Indonesia, Bangladesh, Nepal, Pakistan dan lain-lain negara serta nyatakan langkah dan tindakan penguatkuasaan yang telah, sedang dan akan diambil Kerajaan terhadap PATI yang sedia ada di dalam negara ini serta nyatakan langkah bagi membendung banjiriran PATI ke negara ini.

41. PR-1411-L00147

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah anak-anak yang lahir di Malaysia dan tinggal dalam negara terkini, tetapi masih belum dipastikan kewarganegaraan mereka kerana status ibu bapa yang bukan warganegara mengikut undang-undang; dan
- (b) apakah perancangan dan tindakan Kerajaan tentang status mereka.

42. PR-1411-L01259
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian pejabat Peguam Negara untuk tidak mewakili Suruhanjaya Pilihan Raya dalam kes-kes petisyen pilihan raya yang bakal difailkan.
43. PR-1411-L00457
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) bilakah Kementerian akan mengadakan klinik pakar asas di Hospital Limbang; dan
 - (b) apakah langkah-langkah Kementerian untuk menggantikan doktor pakar ginekologi yang sangat diperlukan di kawasan utara Sarawak khususnya Limbang yang telah ditamatkan kontrak serta merta.
44. PR-1411-L00936
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang akan dan telah diambil oleh PDRM terhadap mana-mana pihak yang menghina Yang di-Pertuan Agong memandangkan ianya merupakan tindakan yang melampau dan perlu diambil tindakan segera.
45. PR-1411-L00783
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daftar pemilih PRU ke 14 banyak telah dimanipulasikan oleh pihak tertentu untuk mengatur keputusan memihak kepada mereka. Sebagai contoh pendaftaran baru dan pendaftaran pertukaran alamat tahun 2017 di DUN Hutan Melintang, Parlimen Bagan Datuk, Perak, melibatkan hampir 5000 orang, di mana dari jumlah tersebut hampir 70 peratus adalah penipuan. Laporan polis telah dibuat dan bantahan telah dihantar kepada SPR. Namun tiada tindakan diambil oleh pengerusi SPR Malaysia. Apakah Kerajaan akan mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk membuat siasatan terhadap aduan seperti ini.
46. PR-1411-L01009
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes kebangkrutan sebulan semenjak pindaan Akta Insolvensi 1967 berkuat kuasa pada 6/10/2017 dan sama ada akta itu akan dipinda lagi untuk menjaga kepentingan golongan bankrap yang berlaku sebelum 6 Oktober 2017.

47. PR-1411-L00394

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bidang kuasa Kementeriannya. Bagaimanakah Kementerian ini dapat mengatasi masalah pertindihan kuasa dengan Kementerian Kewangan, memandangkan Kementerian ini telah mengambil alih banyak bidang kuasa yang dahulunya di bawah portfolio Kementerian Kewangan dan lain-lain.

48. PR-1411-L00642

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah FDI yang keluar dari Malaysia sejak 9 Mei 2018. Mengapa ianya berlaku. Apakah langkah-langkah untuk menarik semula pelaburan asing yang keluar itu. Berapakah FDI untuk tahun-tahun 2010 hingga 2017.

49. PR-1411-L01061

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menetapkan harga rantai getah sekerap pada harga RM3.00.

50. PR-1411-L00107

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian pelan pembesaran Swettenham Pier termasuk bagaimanakah ia bakal melibatkan penggunaan tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang di lokasi tersebut. Perincian juga jumlah pelaburan Prasarana Malaysia Bhd. (Prasarana) dalam memantapkan perkhidmatan feri Pulau Pinang.

51. PR-1411-L00871

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah fungsi Tabung Harapan Malaysia. Apakah tujuan dana ini dikutip dan adakah setiap penggunaannya akan diisytiharkan untuk pengetahuan umum.

52. PR-1411-L00193

Tuan Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) anggaran jumlah pendapatan cukai Kerajaan bagi tahun 2018 bila cukai GST telah diturunkan kepada tahap sifar; dan
- (b) berapa anggaran perbelanjaan Kerajaan ke atas subsidi rakyat untuk barangan seperti petrol, beras dan gula.

53. PR-1411-L01134
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian bagi mengatasi hal kejatuhan harga kelapa sawit sekarang dan adakah ianya berpunca daripada negara Kesatuan Eropah (EU) yang memboikot minyak sawit Malaysia atau faktor lain.
54. PR-1411-L00236
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana kesediaan Kerajaan untuk membuka semula kes siasatan melibatkan kerugian urus niaga mata wang asing oleh BNM sekitar tahun 1990an dan skandal Perwaja Steel bagi memastikan Kerajaan kini benar-benar telus dan adil.
55. PR-1411-L00437
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membendung budaya menghina institusi raja-raja.
56. PR-1411-L01372
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
(a) adakah perancangan Kementerian dalam menghapuskan AP import kenderaan dan apakah pelan secara berperingkat sekiranya Kementerian mempunyai perancangan tersebut; dan
(b) apakah rasional Kementerian sekiranya tiada perancangan tersebut.
57. PR-1411-L01147
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah penubuhan Tabung Harapan Negara yang diumumkan bagi rakyat bersama-sama dengan Kerajaan Pakatan Harapan berusaha untuk menyelesaikan beban hutang negara yang didakwa mencecah lebih RM1trillion. Adakah ia juga bertujuan untuk dijadikan alasan bagi Kerajaan Pakatan Harapan untuk mengkaji semula pelaksanaan janji-janji Manifesto Pakatan Harapan.

58. PR-1411-L00197

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi membantu 57,000 orang nelayan apabila beberapa bantuan yang pernah diberi oleh Kerajaan terdahulu seperti subsidi, Bantuan Bulanan Nelayan, bantuan bot, bantuan enjin bot dan sebagainya telah ditamatkan.

59. PR-1411-L00892

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan memperincikan rancangan penebatan banjir dan pelaksanaannya untuk kawasan Kota Kinabalu, Penampang dan Sepanggar di mana selalu menghadapi masalah banjir kilat.

60. PR-1411-L01192

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil bagi mengurangkan kesan negatif projek penambakan laut di sepanjang pantai dalam Parlimen Tangga Batu, Melaka kepada nelayan pinggir pantai.

61. PR-1411-L00710

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana tulisan jawi dapat dimartabatkan penggunaannya dalam kalangan masyarakat setelah terdidik asas-asas jawi di peringkat institusi pendidikan rendah dan menengah.

62. PR-1411-L00794

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai penderma-penderma korporat Tabung Harapan. Bagaimana dan apakah ekspektasi mereka daripada Kerajaan atau seseorang Menteri dan apakah bentuk insentif yang telah Kerajaan berikan kepada penderma-penderma korporat untuk mereka menderma jumlah yang besar .

63. PR-1411-L00996

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terkini Kerajaan terhadap status pelarian dalam negara sekarang dan adakah mereka diberikan peluang mendapat keperluan rawatan perubatan, pekerjaan, kebajikan, pendidikan anak-anak pelarian.

64. PR-1411-L01406

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memupuk dan mewujudkan integrasi nasional.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. Usul dibuat oleh Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] dan masalah dicadangkan :-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (2 Ogos, 2018)**2. Perdana Menteri akan mencadangkan :-**

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Ke-14 yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi);
2. YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Pandan, Timbalan Perdana Menteri;
3. Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Ahli Parlimen Pagoh;
4. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Ahli Parlimen Kota Raja;
5. Yang Berhormat Tuan Ignatius Darell Leiking, Ahli Parlimen Penampang;
6. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai, Ahli Parlimen Cheras;
7. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datuk."

3. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Ahli Parlimen Beluran dan Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Ahli Parlimen Ipoh Timur masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bagi Majlis Parlimen Ke-14."

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3) dan subseksyen 17(5) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 supaya Perintah-Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.48 dan ST.49 bagi tahun 2018 disahkan."

5. (D.R.10/2018) Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

6. (D.R.11/2018) Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 "

[Menteri Kewangan]

7. (D.R. 9/2018) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 "

[Menteri Kewangan]

8. (D.R.12/2018) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018 "

[Menteri Kewangan]

9. (D.R.13/2018) Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018 "

[Menteri Kewangan]

10. PR-1411-U(27)003

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

11. PR-1411-U(27)004

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

12. PR-1411-U(27)005

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

[Menteri Dalam Negeri]

13. PR-1411-U(27)006

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

14. PR-1411-U(27)007

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

[Menteri Kewangan]

15. PR-1411-U(27)008

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentangkan butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

16. PR-1411-U(27)009

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggar mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

[Menteri Pengangkutan]

17. PR-1411-U(27)001

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

18. PR-1411-U(27)002

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakpercayaan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2018</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.48	Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2018 P.U(A) 118/2018 yang diwartakan pada 16 Mei 2018	6 Ogos 2018
ST.49	Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pembatalan) 2018 P.U(A) 119/2018 yang diwartakan pada 16 Mei 2018	6 Ogos 2018
ST.50	Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) (Pembatalan) 2018 P.U.(A) 120/2018 yang diwartakan pada 16 Mei 2018	6 Ogos 2018
ST.51	Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengenaan Cukai Bagi Pembekalan Berkenaan Dengan Zon Bebas) (Pembatalan) 2018 P.U(A) 121/2018 yang diwartakan pada 16 Mei 2018	6 Ogos 2018
ST.52	Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengenaan Cukai Bagi Pembekalan Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan) (Pembatalan) 2018 P.U(A) 123/2018 yang diwartakan pada 16 Mei 2018	6 Ogos 2018

<u>TAHUN</u> <u>2018</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.63	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017	6 Ogos 2018
CMD.6	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2017 Siri 1	6 Ogos 2018
CMD.7	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan Tahun 2017 Siri 1	6 Ogos 2018
CMD.8	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 Siri 1	6 Ogos 2018
CMD.9	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Kelantan	6 Ogos 2018
CMD.10	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Johor	6 Ogos 2018
CMD.11	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Kedah	6 Ogos 2018
CMD.12	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Melaka	6 Ogos 2018
CMD.13	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Sembilan	6 Ogos 2018

<u>TAHUN</u> <u>2018</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD.14	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Pahang	6 Ogos 2018
CMD.15	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Perak	6 Ogos 2018
CMD.16	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Perlis	6 Ogos 2018
CMD.17	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Pulau Pinang	6 Ogos 2018
CMD.18	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Sabah	6 Ogos 2018
CMD.19	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti / Kewangan Kementerian / Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Sarawak	6 Ogos 2018
CMD.20	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti / Kewangan Kementerian / Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Selangor	6 Ogos 2018
CMD.21	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2017 Siri 1 Negeri Terengganu	6 Ogos 2018

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 06.08.2018 (Isnin)	1. YB Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)	1. Pembaikan Tebing Parit Tanah Di Taman Wah Keong, Ipoh Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran	1. YB Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli
2. 06.08.2018 (Isnin)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Masalah Isu Kanak- kanak Tanpa Kerakyatan	2. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**